

<p><b>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – KEMALANGAN DIRI</b>                  (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan <u>Pelan Insurans Rakan Pemandu Komersil</u>. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang dinyatakan di dalam polisi.</p>	<p><b>Rujukan Kami : 01/01/2010</b>                  Nama Penawar Khidmat                  Kewangan : <b>Uni.Asia General Insurance Bhd.</b>                   Nama Produk : <b>Rakan Pemandu Komersil</b>                   Tarikh :</p>
---	---

**1. Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?**

Produk ini menawarkan pampasan ke atas sebarang kecederaan diri secara langsung disebabkan oleh kecederaan luaran yang tidak disengajakan serta boleh dilihat dan ianya menjadi penyebab utama dan secara langsung kematian atau kecacatan kepada pemandu dan atau seorang kelindan ketika memandu, berada di dalam kenderaan, menaiki, atau turun daripada kenderaan komersil.

**2. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?**

Polisi ini menawarkan perlindungan untuk:

- a) Kematian atau Kekacatan Kekal;
- b) Perbelanjaan Perubatan.

Tempoh perlindungan ialah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

**3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?**

Jumlah bayaran premium adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Kapasiti Tempat Duduk (Pemandu dan / atau Seorang Kelindan sahaja)	Premium (RM)	Jumlah Diinsuranskan (RM)
2 (Maksimum)	280	RM50,000 seorang

**Nota : Pemandu dan Kelindan mestilah berumur antara 18 hingga 70 tahun.**

**4. Berapakah bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar?**

Bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar ialah:

Jenis	Jumlah
Komisen yang dibayar kepada agen insurans	25 peratus daripada jumlah premium
Duti Setem	RM10.00

**5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?**

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian adalah:

- a) **Tanggungjawab untuk memberitahu** – Anda mesti memberitahu semua fakta dan maklumat seperti pekerjaan dan maklumat peribadi anda, yang mungkin akan mempengaruhi profil risiko.
- b) **Perlindungan adalah hanya untuk kerugian akibat kemalangan** seperti yang tertera di dalam polisi.

**6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?**

Polisi ini tidak memberi perlindungan ke atas:

- a) Risiko Peperangan;
- b) Bunuh Diri dan hilang akal;
- c) Kecederaan yang disengajakan;
- d) AIDS atau sebarang penyakit berkaitan atau menjalani ujian darah berkaitan HIV / AIDS;
- e) Pembunuhan akibat kemarahan atau serangan;
- f) Aktiviti sukan yang berbahaya.

*(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk pada polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian bagi polisi ini).*

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan tempoh insurans yang belum luput.

**8. Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi/surat-menyerurat saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan syarikat kami jika terdapat sebarang perubahan pada profil anda, termasuk pekerjaan dan maklumat peribadi anda, yang mungkin mempengaruhi profil risiko.

**9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk pada naskhah *insuranceinfo* berkenaan 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua pejabat cawangan kami. Anda juga boleh mendapatkan salinan daripada agen insurans atau layari laman web *insuranceinfo* di [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Uni.Asia General Insurance Berhad**  
**Tingkat 9, Menara Uni.Asia,**  
**1008, Jalan Sultan Ismail,**  
**50250 Kuala Lumpur.**  
**Talian Bebas Tol: 1-800-888-990**  
**Tel : 03-2693 8111**  
**Faks : 03-2693 0111**  
**[www.uniasiageneral.com.my](http://www.uniasiageneral.com.my)**

**10. Perlindungan Kemalangan Diri Lain Yang Boleh Didapati**

Perlindungan Kemalangan Diri Lain Yang Boleh Didapati Adalah Seperti Berikut:

- Pelan Kemalangan Diri SmartCover.
- Pelan Kemalangan Diri FlexiCare.
- Pelan Insurans Pemandu & Penumpang StarRider.
- Pelan Insurans Rakan Pemandu.
- Rakan Pemandu 2.

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMAHAMI TENTANG SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN KECACATAN BAGI POLISI INSURANS ANDA. ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENCALONKAN PENAMA SERTA MEMASTIKAN BAHAWA PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH DIBELI. ANDA DINASIHATKAN MEMBACA SERTA MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Januari 2010.